

Boleh diperluas merangkumi data perniagaan, premis komersial

Kuala Lumpur: Sistem Pangkalan Data Utama (Padu) yang dilancarkan kerajaan adalah satu penambahbaikan dalam memastikan tadbir urus awam yang lebih baik, terutama dalam menjamin dasar sosioekonomi dilaksanakan dengan baik melalui orientasi data menyeluruh.

Penganalisis keselamatan dan politik di Pusat Pengajian Perang Saraf Media dan Informasi, Universiti

Teknologi Mara (UiTM) Dr Noor Nirwandy Mat Noordin berkata bagaimanapun, selain data profil individu dan isi rumah, Padu juga boleh diperluas untuk merangkumi data mengenai perniagaan dan premis komersial di negara ini.

“Hal ini bagi memastikan sistem itu juga melaksanakan tugas melihat kepada potensi manipulasi sistem pengagihan kewangan yang disebabkan oleh

ketidaksamaan harga barangan di seluruh rantau disebabkan oleh antaranya penyimpanan stok dan orang tengah yang menyebabkan kenaikan harga.

“Padu memerlukan data ini untuk memastikan sistem itu dapat menangani sektor komersial terlibat dalam menyediakan keperluan asas kepada orang ramai termasuk restoran dan produk isi rumah, serta memastikan mereka yang

mengendalikan perniagaan berskala kecil dan besar tidak terpinggir daripada sistem berkenaan,” katanya.

Noor Nirwandy berkata kerajaan perlu memberitahu orang ramai dalam semua platform, khususnya media sosial, mengenai fungsi Padu untuk menjamin bahawa seluruh lapisan masyarakat dapat menggunakan sistem itu tanpa terlalu banyak gang-

guan.

Sementara itu, profesor daripada Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Dr Rusli Abdullah mencadangkan supaya kerajaan menjalankan audit berkala untuk mengenal pasti kelemahan dalam sistem itu.

Beliau berkata langkah ini akan membolehkan sebarang isu ditangani segera, serta memastikan pe-

risian, sistem operasi dan aplikasi sentiasa dikemas kini dengan penyelesaian keselamatan terkini untuk mengurangkan potensi kelemahan dalam memastikan sistem keselamatan yang terbaik.

“Kerajaan perlu merekayasa semula proses tertentu yang tidak relevan dan penting supaya sistem itu menjadi lebih pintar dan dikendalikan secara rasional,” katanya.